



## UPM Dapati 80% Bangunan Tiada Pelindung Kilat



*Barisan panel yang menerangkan informasi mengenai CELP.*

**SERDANG, 2 Mac** – Kajian Pusat Kecemerlangan Perlindungan Kilat (CELP) Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati 80 peratus bangunan di Malaysia tidak menggunakan alat perlindungan sambaran kilat yang menepati piawaian.

Pengarah CELP, Dr. Mohd Zainal Abidin Ab Kadir berkata oleh kerana statistik menunjukkan Malaysia mencatatkan jumlah ribut petir tertinggi di dunia iaitu 180 hari setahun, masyarakat disaran mempertingkatkan tahap keselamatan dengan memasang alat perlindungan kilat yang menepati standard Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (EIC) dan standard Malaysia.

“Alat perlindungan yang tidak menepati piawaian tidak mampu mengalirkan kilat ke sistem pembumian. Malah statistik yang dikeluarkan oleh CELP mencatatkan 70% masalah gangguan elektrik di negara ini adalah disebabkan oleh kilat.



*Dr. Mohd Zainal Abidin Ab Kadir menegaskan CELP mampu mengelakkan kemalangan yang berpunca dari kilat.*

"Kepentingan penubuhan CELP ialah berdasarkan statistik tahunan 25,000 orang dalam dunia menjadi mangsa sambaran kilat dan memusnahkan harta benda sehingga mencecah 1 bilion dolar setahun," katanya dalam sidang media memperkenalkan CELP UPM yang merupakan pusat seumpamanya pertama di dunia di Fakulti Kejuruteraan di sini.

Beliau berkata gangguan bekalan elektrik dan kerosakan peralatan elektronik akibat pancaran kilat terutamanya terhadap sektor perindustrian menyebabkan kerugian ekonomi kepada negara.

Dr. Zainal juga mencadangkan kerajaan agar menubuhkan jabatan khas dan mewujudkan dasar bagi memantau isu alat perlindungan kilat untuk menjaga keselamatan orang ramai dan sektor industri.

Sementara itu, Penasihat CELP Richard Kithil Jr. berkata CELP ditubuhkan bagi mengadakan kempen kesedaran kepada sektor industri dan masyarakat mengenai perlindungan sambaran kilat terhadap nyawa dan harta benda.

"Keselamatan nyawa pekerja daripada ancaman kilat tidak mendapat perhatian organisasi yang mementingkan keuntungan sedangkan organisasi perlu membayar pampasan kepada keluarga si mati dan kos membaiki kerosakan. Para majikan juga harus menetapkan polisi tindakan perlindungan semasa kilat kepada pekerja," katanya.



*Penasihat CELP, Richard Kithil Jr.*

**Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Praktikal: Siti Madihah Shahrizan 03-89466013).**